



Sabah News Today

Sabah News Today Portal #1

Portal Berita Tentang Sabah

[MENU](#)[RENCANA](#)

Miyolon Ensambiyen Aidilfitri 2024 Kg. Darau Manggatal asas masyarakat madani berteraskan perpaduan rakyat yang lestari

 [8 months ago](#) [0](#) [11 mins](#)

Oleh : Dr Jakaria Dasan

Miyolon adalah kosakata Bahasa Dusun yang sama maksudnya dengan ensambiyen dari kosakata Bahasa BajauSama.

Kedua-duanya merujuk kepada pertukaran barang dari satu pihak kepada pihak yang lain. Dalam konteks program Miyolon-Ensambiyen Aidilfitri yang diadakan secara tahunan pada setiap kali hari raya aidilfitri kedua di Kampung Darau, Manggatal, Sabah.



Miyolon Ensambian Aidilfitri 2024 Kg.

Darau Manggatal asas masyarakat
madani berteraskan perpaduan rakyat
yang lestari.

Ia membawa maksud Miyolon-Ensambian ditakrifkan sebagai aktiviti jual beli melibatkan hasil tanaman dan pelbagai hasil darat yang lain dari komuniti etnik Dusun dan lain-lain dengan kuih muih tradisi komuniti etnik BajauSama yang tinggal di Kampung Darau.

Program yang diadakan secara tahunan dan mendapat publisiti peringkat negeri dan kebangsaan ini mula dilaksanakan secara sistematik sejak tahun 2019.

Ini melibatkan komuniti Kampung Darau, komuniti-komuniti sekitar Manggatal dan beberapa daerah berhampiran dengan suntikan inovasi ilmu dari Universiti Malaysia Sabah (UMS) ini telah mula diadakan secara tahunan secara rasmi pada tahun 2019.

Turut berperanan penting dalam menjayakan program ini adalah pimpinan tempatan termasuklah ADUN kawasan dan Ahli Parlimen serta para pemimpin masyarakat setempat dan ditunjangi oleh Kerajaan Negeri Sabah.



Miyolon Ensambian Aidilfitri 2024 Kg.

Darau Manggatal asas masyarakat
madani berteraskan perpaduan rakyat
yang lestari

Detik awal kepada konsistensi sambutan dimulakan dengan penghasilan buku khas Miyolon Ensambian Aidilfitri oleh empat orang penyelidik dari Fakulti Perniagaan, Ekonomi, dan Perakaunan UMS yang mendapat dana kajian dari Jabatan Muzium Negeri Sabah pada awal tahun 2019.

Dari hasil penyelidikan tersebut ianya telah dipraktikkan bersama dengan masyarakat kampung Darau dibawah pimpinan Ketua Kampungnya, Jati Ejan.

Menurut Pengurus Sambutan Kg Darau Lama, Kamarudin Awang, pada tahun ini (2024), program sambutan mengangkat tema “Kekalkan Sinar Semangat Tradisi,” dengan harapan agar kelainan dan keunikan perpaduan rentas etnik ini terus kekal terpelihara citranya untuk generasi masa depan.



Miyolon Ensambian Aidilfitri 2024 Kg.

Darau Manggatal asas masyarakat
madani berteraskan perpaduan rakyat
yang lestari.

Berbeza dengan tahun sebelumnya, lokasi program telah diadakan di kawasan sekitar Balai Raya Kg. Darau Lama yang merupakan lokasi awal tempat berlakunya tradisi miyolon ensambian sejak lebih 10 dekad yang lalu.

Bagi meneruskan keastian konsep sepetimana ianya diamalkan dahulu, komuniti dari etnik Dusun yang datang dari luar kampung Darau akan mula memperagakan hasil-hasil tanaman mereka seawal sebelum jam 6 pagi di sepanjang jalan kampung berpusat di Balai Raya kampung ini.

Sebanyak lebih 30 buah khemah disediakan, pengunjung yang terdiri dari masyarakat kampung ini dan luar akan membawa kuih raya atau dikenali sebagai "Sajian Hari Raya" untuk ditukar dengan hasil-hasil tanaman yang diperagakan.

Bagi pengunjung luar yang ingin mendapatkan hasil tanaman tersebut, mereka terlebih dahulu perlu menukarkan wang dengan sajian hari raya di kaunter urusetia.



Miyolon Ensambian Aidilfitri 2024 Kg.

Darau Manggatal asas masyarakat
madani berteraskan perpaduan rakyat
yang lestari.

Uniknya, aktiviti jualan ini tidak didasarkan kepada nilai sebenar hasil tanaman atau kuih raya yang ditukarkan.

Komuniti yang menjual dan komuniti yang membeli menerima seadanya berdasarkan keikhlasan mereka.

Inilah antara keindahan program Miyolon-Ensambian Aidilfitri Kg Darau Manggatal ini.

Menurut Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Darau, Azhar Matussin, merupakan juga salah seorang pencetus dan pendukung kepada sambutan

Miyolon-Ensambiyen sejak tahun 2019.

Ini merupakan kekuatan kepada program ini adalah kerana wujudnya sikap bersatu padu masyarakat kampung ini yang berjiwa besar ingin mengembalikan kemesraan silam antara etnik sebagai satu budaya yang mereka ingin wariskan kepada generasi muda di kampung ini dan sekitarnya.

Faktor kejayaan program pengajian setiap tahun juga disebabkan oleh wujudnya koordinasi antara komuniti kampung dengan institusi ilmu khususnya UMS yang sentiasa menjadi penasihat strategik dalam memastikan program ini sentiasa mengetengahkan inovasi-inovasi baharu setiap tahun.



Miyolon Ensambiyen Aidilfitri 2024 Kg.
Darau Manggatal asas masyarakat
madani berteraskan perpaduan rakyat
yang lestari.

Dalam nada yang sama, Ahsim Jamat, Wakil Ahli Parlimen Sepanggar Datuk Mustapha Sakmud, berkata bahawa program yang berteraskan pembangunan sumber manusia dalam keusahawanan ini berjaya dihidupkan kerana masyarakat kampung ini sentiasa berusaha menimba ilmu pengurusan program secara tidak langsung dan berterusan.

Usaha ini dari pelbagai pihak khususnya menerusi pensyarah Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan UMS.

Menurutnya lagi, menerusi pendekatan memperkasa sumber manusia, beberapa perancangan akan diusahakan bagi meningkatkan keberdayaan komuniti setempat.

Turut hadir Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri Sabah Datuk Roland Chia Ming Shen.

Beliau yang sentiasa hadir dalam program ini sejak ianya diadakan pada tahun 2019 berasa sangat teruja dan sentiasa menunggu program ini diadakan setiap tahun.



Antara tetamu hadir dalam program tersebut.

Menurut beliau program ini menjadi salah satu daripada perhatian Ketua Menteri sebagai satu wadah mengangkat komuniti berdaya maju yang berjaya selaras dengan matlamat Sabah Maju Jaya.

Sementara itu Pemimpin Pembangunan Masyarakat Inanam Datuk William Majinbon, menyifatkan bahawa program ini sangat signifikan khususnya kepada masyarakat Dusun dan Kadazan yang sentiasa ingin merasakan

kemeriahannya bersama saudara-saudara mereka dari komuniti BajauSama dan yang lain.

Pengurusan program yang sangat sistematik seperti yang dilaksanakan oleh Kampung Darau ini wajar diberikan pengiktirafan yang sesuai bagi meningkatkan lagi semangat mereka menghidupkan program ini setiap tahun.

Gabungan mantap pimpinan yang berpandangan jauh, komuniti-komuniti yang bersatu padu, dan universiti yang menginovasikan ilmu menjadikan Kampung Darau, Manggatal.

Sabah terus menjadi makmal hidup atau living laboratory yang menekankan kepada perkongsian ilmu berkaitan contoh model perpaduan rakyat yang berinovasi tinggi dan lestari.

Dalam pesanan khasnya yang disiarkan menerusi Studio Korporat UMS, Naib Canselor UMS, Profesor Datuk Dr Kasim Mansor, menyebut tentang perentingnya universiti meneruskan agenda pemindahan ilmu di komuniti.

Amalan tukar barang di hari raya atau “barter trade” menurutnya turut diamalkan di pelbagai kampung di sekitar negeri Sabah.

Keunikan ini perlu dilestarikan sebagai suatu khazanah bangsa yang merupakan teras kepada keharmonian rakyat Malaysia di negeri Sabah.

Program Miyolol-Ensambiyen Aidilfitri juga adalah suatu program yang bercirikan MADANI seperti mana ingin diketengahkan oleh Perdana Menteri Malaysia.

Ini adalah kerana setiap ciri MADANI itu ada terdapat pada komuniti kampung Darau yang tidak pernah mengenal erti lelah dan sanggup mengeluarkan perbelanjaan sendiri bagi melengkapkan perbelanjaan memastikan tradisi ini dapat terus dihidupkan setiap tahun.



Dr Jakaria Dasan

Biodata Penulis

Dr. Jakaria Dasan merupakan Pensyarah Kanan Program Keusahawanan Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan Universiti Malaysia Sabah.

Dr. Jakaria merupakan Pengarah Pusat Komunikasi Korporat UMS.

Beliau adalah salah seorang dari empat orang penyelidik yang telah membuat kajian sehingga terbitnya buku Miyolol-Ensambiyen Aidilfitri Kg Darau dari Dana Jabatan Muzium Negeri Sabah.

Ahli lainnya adalah Yuzaini Janin (Ketua), Sidah Idris, dan Kamarul Mizal Marzuki.

Dr Jakaria Dasan juga merupakan Ahli Majlis Tertinggi Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Negeri Sabah (G3PNS).